



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Bahagian Penguatkuasa,  
No. 13, Aras 2 & 3,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603-8882 5500  
Faks: 603-8882 6171  
Laman Web: [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)

Fail Kami : KPDNKK.100-2/2/4 (10)

Tarikh : 21 Mei 2021

**Pengurus**

Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCMSB),  
No. 3, Jalan 33/10A,  
Kawasan Perindustrian IKS,  
Mukim Batu, 68100 Kuala Lumpur.

**Pengurus**

Syarikat De Metrology Sdn Bhd (DMSB),  
No. 9, Jalan BA 4/1,  
Kawasan Perindustrian Bukit Angkat 4,  
43000 Kajang, Selangor.

**Pemegang Lesen Timbang dan Sukat.**

**Peniaga dan Pemilik Alat Timbang dan Sukat.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PERINTAH BENTUK ATAU PENENTUAN BAGI TIMBANG ATAU  
SUKAT ATAU ALAT TIMBANG ATAU SUKAT 1981 UNTUK TUJUAN  
PERDAGANGAN**

Merujuk kepada surat-surat Bahagian Penguat Kuasa dengan rujukan KPDN/PGK(SK)/1/1/2(28) bertarikh 21 November 2018, KPDNKK.100-2/2/4 bertarikh 11 Disember 2019 dan 6 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, peruntukan di bawah Seksyen 18(1)(d), Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] menjelaskan bahawa mana-mana pemegang lesen timbang dan sukat di bawah Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 perlu mendapatkan kelulusan rekabentuk (*pattern approval*) daripada Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) sebelum mana-mana alat timbang dan sukat boleh dijual atau digunakan untuk tujuan perdagangan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



3. Seajar dengan itu, penentusahan dan penentusahan semula alat timbang dan sukat oleh Syarikat yang Dilesenkan (SDL) iaitu Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCMSB) dan De Metrology Sdn Bhd (DMSB) akan diselaraskan untuk memastikan pematuhan peruntukan di bawah Seksyen 14(5), Akta 71. **Pemegang lesen perlu memperolehi kelulusan rekabentuk daripada pihak MSPK bagi mana-mana alat timbang dan sukat sebelum memohon perkhidmatan penentusahan dan penentusahan semula alat-alat tersebut daripada SDL.**

4. Sehubungan itu, bermula 21 November 2018 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Bahagian Penguat Kuasa (BPGK), telah mengeluarkan surat arahan kepada SDL dan pemegang lesen timbang dan sukat supaya memastikan semua alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan hendaklah mempunyai kelulusan rekabentuk daripada MSPK terlebih dahulu sebelum alat tersebut ditentukan atau ditentukan semula.

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, bermula tahun 2018 hingga tahun 2020, BPGK telah melaksanakan sesi libat urus berkaitan arahan ini kepada semua pemegang lesen timbang dan sukat di seluruh negara yang terdiri daripada syarikat-syarikat Pembuat, Pembaik dan Penjual alat timbang dan sukat. Selain itu, *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) juga telah mengadakan sesi libat urus berkaitan pematuhan perintah bentuk bersama persatuan dan pemilik alat timbang dan sukat melalui platform *Unified Public Consultation* (UPC) pada 1 Mac 2021.

6. Rentetan daripada itu, BPGK telah membuat penelitian semula ke atas semua pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada pihak industri berhubung pelaksanaan arahan Pengarah Penguat Kuasa berkaitan pematuhan perintah bentuk ke atas alat-alat timbang dan sukat untuk tujuan perdagangan ini.

7. Hasil daripada penelitian semula yang telah dijalankan, Bahagian ini telah memutuskan supaya tugas-tugas penentusahan semula bagi alat-alat timbang dan sukat yang **PERNAH DITENTUSAHKAN** oleh SDL dan masih tidak memiliki kelulusan rekabentuk daripada MSPK **boleh diteruskan sehingga 30 Jun 2022.**

8. Oleh yang demikian, pihak SDL, pemegang-pemegang lesen dan pemilik alat timbang dan sukat diwajibkan untuk mematuhi Akta Timbang dan Sukat 1972 serta subsidiarinya bagi timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan mengikut tempoh yang ditetapkan pada para 7 di atas.

9. Bersama-sama surat ini dilampirkan arahan-arahan terdahulu untuk makluman dan rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung arahan di atas didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZMAN BIN ADAM)**

Pengarah Penguat Kuasa  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

s.k. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri),  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah,  
Sekretariat Perdagangan Penedaran Perniagaan  
dan Industri Perkhidmatan,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Pengarah (Pencegahan),  
Bahagian Penguat Kuasa,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Pengarah (Operasi),  
Bahagian Penguat Kuasa,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah Negeri,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Seksyen Konsumerisme dan Kawalan Industri  
Bahagian Penguat Kuasa,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah Kanan,  
Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK).